

Ticket to Victory

Perniagaan



TERBITAN:

SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

2022

PRAKATA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran telah menghasilkan modul Ticket to Victory yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini adalah hasil sumbangan tenaga guru - guru berpengalaman negeri Perak. Modul ini mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2022.

Modul Ticket to Victory disediakan dalam format "pdf" dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan ulangkaji di rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap modul Ticket to Victory dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu "We Deliver".

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603
Faks : 05 – 292 3851
2022

PRAKATA PENGARAH PENDIDIKAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul Ticket To Victory ini berjaya dihasilkan untuk edisi kedua.

Modul ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Pembinaan modul ini adalah seiring dengan perubahan format peperiksaan SPM bermula tahun 2021 berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Modul ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM menjalankan latihan berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yayasan Perak atas sumbangan dan sokongan yang berterusan dalam menjayakan pembinaan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.


AZNAN BIN ALIAS, AMP

Pengarah Pendidikan Negeri Perak



PRAKATA TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul Ticket To Victory ini dapat direalisasikan untuk edisi kedua. Modul ini melibatkan 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua bidang di Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul Ticket To Victory ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format terkini peperiksaan SPM seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Modul pembelajaran ini akan disebarluaskan kepada guru-guru melalui blog Anjung Ilmu Guru Perak. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP

Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENASIHAT

YBRS. EN. AZNAN BIN ALIAS, A.M.P.
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

KETUA PROJEK

PN. HJH. RAHIMAH BINTI MOHAMED, A.M.P.
Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak

PENYELARAS

PN. A'ISAH BINTI MOHAMAD
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bidang TVET

PENOLONG PENYELARAS

EN. ABD RAZAK BIN MOHD YUSOF
Ketua Penolong Pengarah
Bidang TVET

AHLI JAWATANKUASA

EN. MOHD AZRIL BIN MOHD AZLAN
CIK NURIZATUL IRMA BINTI MOHD YAZID
EN. YANG SHAHRIN BIN AB AZIZ
Penolong Pengarah
Bidang TVET

Penghargaan

Bidang TVET, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak
merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan

Panel Penggubal Modul

KETUA PANEL



PN. NURUL WAHIDAYAH BINTI
RAMLEE
SMK Bidor, Bidor

AHLI PANEL



PN. NORHAYATI BINTI ROSLI
SMK Dato' Zulkifli Muhammad, Slim
River



PN. NOOR HASMAWATI BINTI AWANG
SMK Dato' Idris, Pantai Remis



EN. AHMAD TASDIQI BIN AHAMAD
THAMIZI
SMK Sultan Yussuf, Batu Gajah



PN. SITI ESHAH BINTI DRIS
SMK Aminuddin Baki, Chemor



EN. NOOR AZMAN BIN ARSHAD TAR
SMK Kg Dato Ahmad Said, Ipoh



PN. SITI AMINAH BINTI ISMAIL
SMA Daerah Batang Padang, Bidor



PN. ROSSAINI BINTI ASIM
SMK Bandar Behrang 2020,
Tanjong Malim



PN. NOR RAHMAH BINTI MOHAMAD
MAHAIDIN
SMK Raja Shahrman, Beruas



PN. NOOR HAFISAH BINTI HARUN
SMK Sungai Bayor, Rantau Panjang



PN. KAMAAZILA BINTI MAT ISA
SMK Methodist, Tanjong Malim

ISI KANDUNGAN

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
SET 1 – KERTAS 1	1
SET 1 – KERTAS 2	16
SET 2 – KERTAS 1	40
SET 2 – KERTAS 2	57
SET 3 – KERTAS 1	78
SET 3 – KERTAS 2	93

SPM PERNIAGAAN

3766/1

Kertas 1

1 ¼ jam

SET 1

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik .

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Jawab iaitu **A, B, C** atau **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

- 1 Gambar 1 berkaitan dengan aktiviti perniagaan.



Gambar 1

Pernyataan manakah yang tepat menerangkan tujuan aktiviti jual beli barang tersebut?

- A Menawarkan barang kepada pelanggan
- B Mendapatkan keuntungan
- C Memerlukan kepakaran individu
- D Membantu golongan yang memerlukan

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

- Dimiliki seorang pemilik
- Mudah diuruskan
- Modal kecil

Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Liabiliti terhad
- B Proses penubuhan rumit
- C Hayat perniagaan berterusan
- D Bebas menguruskan perniagaan

3 Gambar 2 berikut menunjukkan contoh sejenis milikan perniagaan



Gambar 2

Antara yang berikut, pernyataan manakah benar tentang ciri-ciri perniagaan tersebut?

- I. Francaisi perlu membayar fi kepada francaisor
- II. Francaisor menyediakan latihan pengurusan kedai
- III Francaisi tidak terikat dengan kontrak perniagaan
- IV Francaisor kehilangan hak pemilikan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sebuah syarikat pengilangan

Jualan tahunan (RM)	RM 400 000
Bilangan pekerja tetap	60 orang

Apakah saiz perniagaan tersebut?

- A Zon
- B Kecil
- C Besar
- D Sederhana

5. Pernyataan berikut berkaitan dengan sebuah syarikat.

Syarikat Petroleum Rapid menjalankan aktiviti pemprosesan petroleum di Pengerang, Johor. Syarikat tersebut mempunyai 1000 orang pekerja tetap. Hasil keluaran petroleum bukan sahaja untuk kegunaan dalam negara malah turut di eksport ke kebanyakan negara barat, Asia serta negara-negara di Eropah

Klasifikasi perniagaan tersebut ialah

	Saiz	Skala
A	Kecil	Kebangsaan
B	Sederhana	Tempatan
C	Besar	Zon
D	Besar	Global


6. Apakah kesan deflasi kepada negara?
- A Aktiviti pelaburan meningkat
 - B Nilai mata wang berkurangan
 - C Pengguna meningkatkan tabungan
 - D Kerajaan mengurangkan perbelanjaan
7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam menangani isu-isu negara.

Kedadaan kemelesetan ekonomi menyebabkan pendapatan pengguna semakin menurun dan hal ini menyebabkan permintaan untuk barang dan perkhidmatan berkurangan

Antara yang berikut, manakah peranan yang boleh diambil oleh kerajaan?

- I. Mengurangkan bekalan barang dalam pasaran
 - II. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - III. Mengurangkan cukai pendapatan
 - IV. Meningkatkan kadar faedah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?
- A. Guna tenaga semakin menurun
 - B. Jualan perniagaan semakin menurun
 - C. Daya pengeluaran semakin meningkat
 - D. Kadar pengangguran semakin meningkat
9. Graf berikut adalah berkaitan dengan satu trend perniagaan



- Faktor dalaman manakah yang menyebabkan trend perniagaan tersebut berlaku?
- A. Pengurusan yang cekap dan sistematik
 - B. Jualan dan keuntungan perniagaan konsisten
 - C. Sumber manusia yang kurang produktif
 - D. Strategi pemasaran berkesan
10. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pengangguran.

Kemelesatan ekonomi menyebabkan perniagaan terpaksa mengurangkan pekerja akibat tidak mampu membayar gaji dan hilang punca pendapatan

- Bagaimanakah kerajaan dapat mengatasi masalah tersebut?
- A. Merancang skim latihan yang sesuai.
 - B. Mengalakkan masyarakat berjimat cermat
 - C. Menyediakan insentif kepada perniagaan
 - D. Memberi subsidi kepada pekerja

- 11 Antara berikut, yang manakah faktor dalaman yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan?
- I. Pemasaran
 - II. Sumber Manusia
 - III. Sosiobudaya
 - IV. Teknologi
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 12 Apakah faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?
- A Undang-undang
 - B Sumber Manusia
 - C Gaya Pengurusan
 - D Teknologi Maklumat
- 13 Manakah menerangkan maksud visi?
- A Boleh diukur
 - B Fokus jangka masa pendek
 - C Penetapan aktiviti perniagaan
 - D Perancangan jangka masa panjang
- 14 Pernyataan berikut berkaitan dengan objektif sebuah syarikat .

Perusahaan Keropok Jaya telah beroperasi 2 tahun di Mersing. Syarikat ingin meningkatkan 30% jualan dalam masa setahun.

Apakah ciri-ciri objektif bagi syarikat tersebut?

- A Boleh diukur
- B Boleh dicapai
- C Munasabah
- D Spesifik

- 15 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penetapan visi bagi sesebuah syarikat?
- I Mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja
 - II Memberi panduan kepada pekerja bahagian operasi
 - III Mencapai matlamat jangka masa panjang
 - IV Memudahkan pengagihan sumber fizikal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Bagaimanakah perubahan citarasa penduduk memberi kesan kepada penetapan objektif perniagaan sesebuah syarikat?
- A Mempengaruhi permintaan terhadap produk
 - B Memudahkan pengumpulan maklumat
 - C Memastikan persaingan yang sihat
 - D Meningkatkan kestabilan ekonomi
- 17 Apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi dalam sesebuah organisasi perniagaan?
- A Membuat perancangan kewangan
 - B Memudahkan pengurusan inventori
 - C Memastikan keselamatan ICT
 - D Meningkatkan produktiviti
- 18 Bagaimanakah bahagian fungsian kewangan dapat membantu peningkatan prestasi perniagaan?
- A Meningkatkan kecekapan pengurusan
 - B Mengelakkan berlaku penipuan dan penyelewangan
 - C Membuat pemilihan saluran agihan yang sesuai
 - D Menguruskan pembelian bahan mentah

19 Gambar berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian.



Bagaimanakah teknologi maklumat dapat membantu bahagian fungsian tersebut?

- A Mengagihkan sumber kewangan
 - B Menjalinkan hubungan dengan pembekal
 - C Melaksanakan program induksi pekerja baharu.
 - D Merancang aktiviti pembangunan produk baharu.
- 20 Pernyataan manakah yang menunjukkan kepentingan interaksi bahagian pemasaran dengan organisasi luar.
- A Mengawal perbelanjaan perniagaan
 - B Mencipta permintaan terhadap barang
 - C Meningkatkan kemahiran pekerja
 - D Menguruskan khidmat pelanggan
21. Pernyataan berikut menunjukkan kelebihan dalam menggunakan teknologi maklumat.

Penggunaan teknologi maklumat dalam sesebuah perniagaan dapat meluaskan pasaran ke peringkat global.

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat ?

- A. Membuat promosi melalui radio dan surat khabar
- B. Membina laman web untuk memperkenalkan barang
- C. Menggunakan kapal terbang untuk menghantar barang
- D. Mengambil lebih ramai pekerja untuk memasarkan barang

22. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?

- A. Usaha untuk membina imej baik organisasi
- B. Usaha untuk membangun tenaga kerja dalam organisasi
- C. Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
- D. Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

23. Mengapakah pengurusan sumber manusia penting untuk sesebuah organisasi perniagaan?

- I Dapat mengekalkan tahap motivasi pekerja
- II Dapat mengurangkan kadar pengangguran pekerja dalam negara
- III Dapat mengatasi persaingan yang dihadapi di pasaran
- IV Dapat memastikan tenaga pekerja sentiasa mencukupi

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

24. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan.

Pengurus sumber manusia mengagihkan sumber manusia ke dalam jabatan sumber manusia, pengeluaran dan pemasaran. Pengurus sumber

manusia juga menyediakan tempat kerja yang kondusif.

Aspek manakah yang telah disediakan oleh pengurus sumber manusia?

- A. Berpengalaman
- B. Penyelesaian masalah
- C. Penghargaan dan hukuman
- D. Penempatan pekerja dan penyediaan fasiliti

25. Bagaimanakah perniagaan melindungi sumber teknologi?

- A. Memohon kelulusan daripada SIRIM
- B. Memohon lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- C. Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan pihak MyIPO
- D. Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan syarikat insurans

26. Syarikat Penerbitan Bestari memohon hak cipta terpelihara bagi beberapa karya yang diterbitkan. Apakah tujuan syarikat tersebut berbuat demikian?

- A. Mendapatkan kelulusan untuk menjual harga diskaun
- B. Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
- C. Mendapatkan kebenaran untuk mencetak karya syarikat
- D. Mendapatkan kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar negara

27.



Pernyataan manakah yang benar berkaitan rajah di atas ?

- A. Hak eksklusif untuk suatu rekacipta
- B. Hak eksklusif kepada pencipta karya
- C. Perjanjian bertulis antara pemilik dengan pengguna perisian
- D. Perlindungan terhadap hasil ciptaan agar tidak disalahgunakan

28. Sumber pembiayaan dalaman merupakan

- A. Modal yang diperoleh daripada bank
- B. Modal yang diperoleh daripada agensi kerajaan
- C. Modal yang diperoleh daripada simpanan peribadi
- D. Modal permulaan yang diperoleh daripada kemudahan overdraf

29. Antara berikut, manakah merupakan kekuatan sumber pembiayaan dalaman?

- I Modal terhad
- II Cepat dan ringkas
- III Tidak melibatkan kos seperti faedah atas pinjaman
- IV Sukar menambah modal jika keadaan ekonomi yang gawat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

30. Berikut merupakan prosedur untuk mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan kecuali

- A. Membuat permohonan
- B. Menyediakan penyata kewangan
- C. Menyediakan rancangan perniagaan
- D. Mendapatkan khidmat nasihat kewangan

31. Kemudahan yang disediakan oleh bank atau institusi kewangan yang mempunyai akaun semasa ialah

- A. Sewa beli
- B. Draf bank
- C. Overdraf
- D. Kad kredit

32. Apakah fungsi Penyata Aliran Tunai kepada usahawan?

- A. Membantu usahawan mengehadikan perbelanjaan semasa
- B. Menunjukkan penerimaan dan pembayaran perniagaan
- C. Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa depan
- D. Menjadi panduan kepada pihak bank untuk menuntut hutang

33. Berikut merupakan maklumat nisbah semasa bagi sesebuah perniagaan untuk tahun 2018 dan 2019.

Tahun	Nisbah Semasa
2018	1.2 : 1
2019	2.0 : 1

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2019.

- A. Prestasi perniagaan merosot dan tidak mampu membayar hutang
- B. Kemampuan perniagaan membayar hutang dalam tempoh singkat telah meningkat
- C. Risiko perniagaan telah meningkat dan pelaburan kurang memberi pulangan
- D. Prestasi perniagaan telah merosot dan hanya mampu membayar hutang untuk tempoh masa panjang

34. Berikut adalah sebahagian daripada Penyata Aliran Tunai bagi sesebuah perniagaan.

Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2019

Butiran	Jan RM	Feb RM	Mac RM
Baki b/b	10 500		
Penerimaan Jualan	25 000	27 000	29 000
P	-	15 000	-

Apakah butiran P?

- A. Pinjaman
- B. Belian kredit
- C. Ambilan tunai
- D. Ansuran pinjaman

35. Maklumat berikut dipeoleh daripada perniagaan yang mengusahakan industri menjahit baju batik.

	Syarikat Amirah	Syarikat Nasir
Kadar pusing ganti stok	5 kali	8 kali

Antara berikut, manakah benar tentang pengurusan stok kedua-dua syarikat?

- A. Jualan stok Syarikat Amirah lebih laris daripada Syarikat Nasir
- B. Pengurusan stok Syarikat Nasir lebih efisien daripada Syarikat Amirah
- C. Syarikat Nasir menanggung kos penyimpanan stok yang lebih tinggi daripada Syarikat Amirah
- D. Syarikat Amirah menukar stok setiap lima bulan sekali manakala Syarikat Nasir menukar stok setiap lapan bulan sekali.

36. Antara berikut, manakah merupakan kepentingan belanjawan tunai?

- I Menunjukkan keupayaan tunai sesebuah perniagaan
 - II Membantu perniagaan merancang pendapatan dan perbelanjaan
 - III Membantu perniagaan membelanjakan wang mengikut keutamaan
 - IV Memastikan perniagaan mendapat keuntungan maksimum
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

37. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Seorang pemaju perumahan pernah mengalami kegagalan semasa kegawatan ekonomi tetapi beliau masih berusaha untuk menyiapkan projek yang terbengkalai. Beliau menghadapi kemungkinan perumahan tersebut tidak dapat dijual dan terpaksa menanggung kerugian.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah ciri-ciri keperibadian usahawan tersebut?

- A. Tabah
- B. Berani mengambil risiko
- C. Pandai mengambil peluang
- D. Berinisiatif dan bertanggungjawab

38. Antara berikut, situasi manakah menunjukkan ciri-ciri usahawan yang pandai mengambil peluang perniagaan?

- A. Puan Hafizah menambahkan stok buku di kedainya
- B. Encik John merasmikan cawangan baharu perniagaannya
- C. Encik Latif melantik dua orang Pengurus Pemasaran di syarikatnya
- D. Puan Anita membuka pusat asuhan kanak-kanak di kawasan perumahan baharu

39. Encik Zamani ingin menambah seorang lagi rakan kongsi dalam perniagaan perkongsian beliau. Apakah tindakan sewajarnya yang perlu dilakukan oleh Encik Zamani?

- A. Mendaftarkan semula perniagaan
- B. Membubarkan perniagaan perkongsian
- C. Menghantar Borang Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan
- D. Menghantar Borang Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan

40. Maklumat berikut adalah sebuah gambar dokumen perniagaan.

SALINAN DOKUMEN XXX Kedai Komputer Aishah No.13 Jalan 25, Taman Indah 76300 Sungai Udang, Melaka Tarikh : 25 Februari 2020					
Diterima daripada	IT Tech				
Ringgit Malaysia	Lima ribu sahaja				
Bayaran untuk	Menjelaskan sebahagian hutang				
<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>RM</td> <td>5000.00</td> </tr> <tr> <td>Tunai / No. Cek :</td> <td></td> </tr> </table> <div style="text-align: right; margin-top: 10px;"> aishah (Pengurus) </div>		RM	5000.00	Tunai / No. Cek :	
RM	5000.00				
Tunai / No. Cek :					

Apakah dokumen tersebut?

- A. Memo
- B. Invois
- C. Resit
- D. Baucar Pembayaran

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN KERTAS 1

1	B	11	A	21	B	31	C
2	D	12	A	22	B	32	B
3	A	13	D	23	B	33	B
4	B	14	A	24	D	34	A
5	D	15	C	25	C	35	B
6	D	16	A	26	B	36	B
7	D	17	C	27	A	37	D
8	C	18	B	28	C	38	D
9	C	19	C	29	C	39	D
10	C	20	B	30	B	40	C

SPM PERNIAGAAN

3766/2

Kertas 2

2 jam 15 minit

SET 1

PERNIAGAAN

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C***
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapanyang disediakan dan dan hantar bersama sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
4. **Kertas peperiksaan** dan buku jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini

1 Gambar berikut menunjukkan sebuah organisasi



- a) Nyatakan tujuan organisasi dalam gambar tersebut ditubuhkan? [2 markah]
- b) Terangkan ciri-ciri perniagaan perkongsian? [4 markah]
- c) Huraikan sektor ketiga dalam perniagaan? [4 markah]

- 2 a) Huraikan trend perniagaan meningkat? [3 markah]
- b) i) Nyatakan tiga faktor dalaman yang membawa kepada perubahan persekitaran perniagaan? [3 markah]
- ii) Jelaskan faktor luaran sosiobudaya yang membawa perubahan persekitaran dalam perniagaan? [2 markah]

c)

Penggunaan internet melalui telefon pintar khususnya semakin meluas dengan medium media sosial seperti youtube, whatsapp, facebook memberi impak besar dalam pasaran perniagaan.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan faktor luaran yang terlibat dalam membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan?

[2 markah]

- 3 a) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis perniagaan

Jualan perniagaan pasaraya Yat Lo semakin merosot pada tahun 2020. Ramai kakitangan telah diberhentikan kerja.

i) Jelaskan faktor luaran yang menyebabkan jualan perniagaan semakin merosot [4 markah]

ii) Kegagalan mencapai objektif telah memberikan telah memberikan kesan kepada keseluruhan perniagaan pasaraya Yat Lo. Apakah kesan tersebut? [4 markah]

- b) Nyatakan dua gaya pengurusan dalam perniagaan [2 markah]

- 4 a) Sebagai usahawan, jelaskan tiga faedah yang boleh diberikan kepada pekerja. [6 markah]

- b) Situasi di bawah menunjukkan seorang usahawan produk sabun muka.

Puan Hada bercadang untuk mengeluarkan produk sabun muka berasaskan sarang burung untuk kegunaan harian
Produk tersebut akan di jual di kedai kosmetik sekitar Alor Setar Kedah. Beliau bercadang untuk menjual produk tersebut

i) Nyatakan dua sumber fizikal yang diperlukan oleh Puan Hada [2 markah]

ii) Nyatakan dua sumber fizikal yang diperlukan oleh Puan Hada [2 markah]

- 5 a) Terangkan dua jenis sumber pembiayaan luaran dari institusi kewangan. [4 markah]
- b) Sebagai usahawan, Lina menganggap penyata pendapatan sangat penting kepada beliau. Jelaskan ? [4 markah]
- c) Nyatakan dua pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan. [2 markah]
- 6 a) Nyatakan jenis jenis kesalahan kakitangan dalam sesebuah perniagaan ? [3 markah]
- b) Situasi berikut berkaitan dengan satu kaedah promosi.

Perniagaan En Irfan terlibat dalam expo di Halfest pada tahun 2019. Beliau telah ditemuramah oleh pihak TV3 untuk liputan berita di Astro Awani. Selepas beliau telah mendapat liputan percuma itu perniagaan beliau semakin dikenali dan menjadi terkenal di seluruh Malaysia.

- Jelaskan kaedah promosi yang terlibat berdasarkan situasi di atas? [4 markah]
- c) Nyatakan kekuatan diri yang perlu ada pada diri seorang usahawan? [3 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

7. (a) Gambar berikut berkaitan dengan logo sebuah badan kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan.



Bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan membantu perniagaan? [7 markah]

(b) Jelaskan **dua** jenis inflasi di bawah

- (i) Inflasi tarikan permintaan [4 markah]
 (ii) Inflasi tolakan kos [4 markah]

8. Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan dua buah perniagaan kedai buku bagi tempoh enam bulan pertama

Butiran	Shon Hen Enterprise (RM)	Ismail Book Store (RM)
Kos jualan	40000	60000
Untung bersih	25 000	45 000
Modal awal	100000	150000
Aset semasa	25000	50000
Liabiliti semasa	20000	25000
Stok purata	12000	15 000

Jadual 1

- (a) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan menggunakan analisis nisbah asas?

Kemukakan bukti anda.

[6 markah]

- (b) Bagaimanakah penambahbaikan dapat dilakukan terhadap operasi perniagaan yang berprestasi rendah?

[9 markah]

9. Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada usahawan untuk memulakan perniagaan adalah latihan.

(a) Jelaskan kepentingan latihan kepada usahawan. [7 markah]

(b) Huraikan **empat** pihak berkepentingan yang memerlukan rancangan perniagaan. [8 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib jawab

10. Puan Aleeza dan Puan Emelda telah memulakan Perusahaan Sarung Kaki Aleeza & Rakan pada tahun 2021 di Kulim, Kedah. Perusahaan ini menghasilkan sarung kaki kesihatan kepada pengguna yang mempunyai masalah kebas-kebas kaki. Harga jualan bagi seunit sarung kaki tersebut adalah RM 80.00. Baru-baru ini, mereka mendapati bahawa bentuk pemilikan perniagaan yang ditubuhkan oleh mereka boleh menjejaskan harta peribadi. Mereka juga mahu perusahaan ini kekal walaupun salah seorang daripada mereka meninggal dunia. Dengan itu, mereka bercadang untuk menukar bentuk pemilikan perniagaan mereka yang sedia ada ini.

Memandangkan sarung kaki kesihatan yang dikeluarkan oleh perusahaan mereka mendapat sambutan yang baik dan permintaan tinggi, Puan Aleeza dan Puan Emelda merancang untuk menggaji seorang pengurus operasi bagi menguruskan bahagian tersebut yang selama ini diuruskan oleh Puan Aleeza. Oleh itu, mereka telah mengiklankan jawatan kosong itu di sebuah akhbar tempatan.

JAWATAN KOSONG

PENGAMBILAN SEGERA !!

JAWATAN PENGURUS OPERASI

- ❖ Kelayakkan : Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi
- ❖ Pengalaman : 3 Tahun mengkhusus kepada pembuatan/operasi

Setelah setahun beroperasi, Puan Aleeza dan Puan Emelda mendapati bahawa keuntungan yang mereka peroleh kurang memuaskan walaupun permintaan yang tinggi. Oleh yang demikian, mereka telah membuat analisis kewangan perusahaan mereka dengan menggunakan titik pulang modal (TPM). Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran sarung kaki kesihatan tersebut.

Kos berubah sepasang sarung kaki	: RM 20
Kos tetap	: RM 180 000

Selain itu, mereka juga mendapati bahawa kuantiti sarung kaki yang dapat dijual pada pertengahan tahun adalah 1 500 unit sahaja. Keadaan ini berterusan sehingga sekarang. Bahagian pemasaran memaklumkan bahawa keadaan ini disebabkan oleh pesaing-pesaing mereka menawarkan harga sarung kaki kesihatan yang lebih murah. Puan Emelda mencadangkan harga sarung kaki kesihatan mereka diturunkan tetapi tidak dipersetujui oleh Puan Aida.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan baharu yang sesuai dengan cadangan Puan Aleeza dan Puan Emelda. [4 markah]
- Terangkan kemahiran kebolehterapan yang diutamakan untuk jawatan tersebut. [4 markah]
- Hitungkan kuantiti minimum bantal yang perlu dihasilkan oleh perniagaan tersebut. [3 markah]
- Jelaskan kesan penurunan harga yang dicadangkan oleh Puan Emelda terhadap pasaran bantal perniagaan mereka. [5 markah]

- e) Pada pendapat anda, mengapakah Puan Aleeza tidak bersetuju dengan cadangan Puan Emelda? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PERATURAN PEMARKAHAN TICKET TO VICTORY. SET 1

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1 a)	H1 Untuk meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan H2 Menyediakan ruang dan peluang kepada pihak untuk terlibat dalam aktiviti masyarakat yang kurang berkemampuan H3 Membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan seperti perlindungan dan rawatan H4 Memastikan nasib insan yang memerlukan bantuan terus berbela dan terpelihara H5 Contoh Rumah anak Yatim Seroja	1 1 1 1 1 1 [Mak 2m]
1 b)	F1 perkongsian H1 iaitu dimiliki oleh 2 atau lebih pemilik/individu / tidak melebihi 20 rakan kongsi H2 liabiliti tidak terhad H3 modal sumbangan rakan kongsi H4 pembahagian untung ikut syarat perjanjian perkongsian H5 cukai pendapatan perseorangan Nota : 1F+3H	1 1 1 1 1 1 [Mak 4m]
1 c)	H1 Dikenali sebagai sektor tertier H2 Melibatkan perniagaan yang menghasilkan produk yang tidak ketara seperti perkhidmatan H3 Memberi sokongan kepada sektor utama dan kedua supaya barangan dikeluarkan sampai ke tangan pengguna. H4 Terdiri daripada perkhidmatan swasta, awam dan perkhidmatan sukarela yang tidak berasaskan keuntungan. C Contoh : pelancongan, / pendidikan, / perubatan / lain lain. Nota : 3H+1C	1 1 1 1 1 [Mak 4m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
2 a)	<p>H1 Menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat.</p> <p>H2 Situasi persekitaran perniagaan dapat memacu perkembangan perniagaan.</p> <p>H3 Jualan meningkat</p> <p>H4 Keuntungan meningkat.</p> <p>C1 Contoh.Keuntungan syarikat Amir meningkat setiap tahun./ contoh yang bersesuaian.</p> <p>Nota : 2H+1C</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 3m]</p>
2 b) i)	<p>F1 Kewangan</p> <p>F2 Teknologi maklumat</p> <p>F3 Gaya pengurusan</p> <p>F4 Pengeluaran</p> <p>F5 Sumber manusia</p> <p>F6 Pemasaran</p> <p>F7 Pengeluaran</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 3m]</p>
ii)	<p>H1 berkaitan dengan agama/adat resam/ cita rasa dan gaya hidup masyarakat pelbagai kaum.</p> <p>H2 mempengaruhi perbelanjaan pengguna.</p> <p>H3 nilai nilai kehidupan budaya masing masing.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 2m]</p>
2 c)	<p>F1 Teknologi</p> <p>H1 penciptaan teknologi dapat meningkatkan kecekapan./meluaskan pasaran / produktiviti / mengurangkan kos perniagaan.</p> <p>H2 telefon pintar memudahkan urusan/menjimatkan masa.</p> <p>Nota : 1F+2H</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 2m]</p>

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3 a) i)	H1 keadaan ekonomi yang lembap atau perlahan H2 disebabkan oleh keadaan politik yang tidak stabil H3 perundangan sesebuah negara yang tidak stabil H4 sosial yang bermasalah	1 1 1 1 [Mak 4m]
3 a) ii)	H1 Jualan merosot H2 Tidak mampu membayar kos perniagaan H3 Gagal dalam persaingan H4 Imej perniagaan terjejas H5 Tidak mampu mengembangkan perniagaan	1 1 1 1 1 [Mak 4m]
3 b)	F1 Gaya pengurusan autokratik F2 Gaya pengurusan demokrasi F3 Gaya pengurusan sederhana F4 Gaya pengurusan sokongan F5 Gaya pengurusan laissez faire	1 1 1 1 [Mak 2m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 a)	<p>F1 Caruman KWSP</p> <p>H1 Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (1955) mewajibkan caruman dibuat oleh majikan (12%) dan pekerja (11%) setiap bulan</p> <p>F2 Caruman Perkeso</p> <p>H2 Akta Keselamatan Sosial (PERKESO) (1969) mewajibkan pihak majikan mengambil insurans pampasan pekerja iaitu caruman majikan 1.25% dan pekerja 0.5% daripada gaji bulanan pekerja untuk melindungi majikan daripada tuntutan pekerjanya</p> <p>F3 Komisen</p> <p>H3 ganjaran yang diberikan kepada pekerja yang terlibat dalam aktiviti jualan</p> <p>F4 Bonus Tunai</p> <p>H4 Penghargaan yang dibayar secara tunai kepada pekerja pada akhir tempoh tertentu berdasarkan prestasi perniagaan</p> <p>F5 Kemudahan cuti</p> <p>H5 Kemudahan akan diberikan kepada pekerja mengikut tahun perkhidmatan merangkumi cuti tahunan, cuti sakit, cuti rehat, cuti bersalin dan sebagainya</p> <p>Nota : 3F+3H</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 6m]</p>
4 b)i)	<p>F1 Produk Siap</p> <p>F2 Bahan mentah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 2m]</p>
4 b) ii)	<p>H1 untuk melindungi perniagaan daripada risiko seperti kebakaran, kecurian dan penghantaran barang tertanggung</p> <p>H2 memastikan operasi berjalan lancar</p> <p>H3 memastikan jika berlaku kerosakan, dapat diselesaikan dengan segera</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 2m]</p>

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5 a)	F1 Modal permulaan	1
	H1 Pinjaman yang diberikan kepada usahawan yang ingin memulakan perniagaan	1
	F2 Sewa beli	1
	H2 Sewa beli ialah aktiviti menyewa aset dengan tujuan untuk membeli aset tersebut	1
	F3 Pajak	1
	H3 Menggunakan sesebuah mesin atau jentera dengan cara menyewanya daripada bank atau institusi kewangan bagi tempoh tertentu.	1
	F4 Syer	1
	H4 bahagian dalam modal sesuatu perniagaan atau saham. Sesebuah perniagaan menerbitkan syer bagi menambah modal	1
	F5 Overdraf	1
	H5 Kemudahan kredit yang disediakan oleh bank perdagangan untuk pemegang akaun semasa	1
	F6 Ar-Rahnu	1
	H6 satu barang yang berharga untuk dijadikan sebagai cagaran bagi mendapatkan pinjaman	1
	F7 Pemfaktoran	1
	H7 Merupakan kemudahan pembelian akaun penghutang atau invois yang disediakan oleh bank dan institusi kewangan atau syarikat pemfaktoran untuk sesebuah perniagaan.	[Mak 4m]
	Nota : 2F+2H	
5 b)	H1 Meramalkan / menilai prestasi perniagaan	1
	H2 Merancang strategi untuk meningkatkan keuntungan/ hasil/jualan	1
	H3 Mengawal jumlah perbelanjaan operasi	1
	H4 Mengetahui kedudukan kewangan / untung/ rugi	1
	H5 Membuat tindakan terbaik/ susulan oleh pihak pengurusan	1
	H6 Meyakinkan bank/pembiaya/pelabur	1

	H7 Sebagai garis panduan pelaksanaan perniagaan	1 [Mak 4m]
5 c)	F1 Pemegang saham/ pemilik F2 Pelabur F3 Pihak pengurusan F4 Pembiaya/ Institusi kewangan F5 Pembekal/vendor	1 1 1 1 1 [Mak 2m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
6 a)	H1 Pecah Amanah H2 Rasuah H3 Ponteng kerja H4 Salah guna aset syarikat H5 Tidak beretika H6 Ingkar arahan tanpa sebab kukuh	1 1 1 1 1 1 1 [Mak 3m]
6 b)	F1 Publisiti H1 maklumat yang disalurkan melalui media massa mengenai sesuatu produk atau perkhidmatan H2 Kos siaran biasanya ditanggung oleh pihak media massa H3 mendapat kepercayaan daripada pengguna.	1 1 1 1 [Mak 4m]
6 c)	H1 Kemahiran Pembangunan karakter diri H2 Fokus tenaga dan tumpuan H3 Perhubungan baik dengan pasangan H4 Keupayaan membina jenama H5 menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu	1 1 1 1 1 1 [Mak 3m]
7(a)	Cara Pihak Berkuasa Tempatan membantu perniagaan: H1-Meyediakan kemudahan infrastruktur H2-Menggubal undang-undang kecil H3-Merangka dan melaksanakan dasar pembagunan tempatan H4-Mewujudkan pusat-pusat perniagaan H5-Pengawalan tahap kesihatan awam dan keselamatan H6- Melaksanakan tanggungjawab sosial H7-Contoh Pihak Berkuasa Tempatan -Majlis Daerah	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 7m]

<p>7(b)(i)</p>	<p>inflasi tarikan permintaan:</p> <p>H1-Berlaku apabila bekalan barangan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran</p> <p>H2-Berlaku apabila berlaku pertambahan permintaan secara tiba-tiba dalam jangka masa yang pendek</p> <p>H3-Pengeluar tidak dapat menambah pengeluaran dalam masa yang pendek</p> <p>H4-Contohnya,permintaan ikan pada Tahun Baru Cina adalah tinggi, tetapi bekalan ikan tidak mencukupi, ini akan menyebabkan harga ikan melambung</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 4m]</p>																																																																							
<p>7(b)(ii)</p>	<p>Inflasi tolakan kos :</p> <p>H1-Berlaku apabila kos pengeluaran suatu produk meningkat</p> <p>H2-Apabila kos pengeluaran meningkat, peniaga akan memindahkan sebahagian kos yang ditanggungnya kepada pengguna</p> <p>H3-Ini akan menyebabkan harga barang meningkat</p> <p>H4-Contohnya, apabila harga gula naik ,harga minuman akan meningkat</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 4m]</p>																																																																							
<p>8(a)</p>	<table border="1" data-bbox="347 1429 1251 1823"> <thead> <tr> <th>1</th> <th>2</th> <th>3</th> <th>4</th> <th>5</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td>Shon Hen Enterprise</td> <td>Ismail Book Store</td> </tr> <tr> <td>(i) Analisis Nisbah Untung [1M]</td> <td>% Pulangan atas modal [1M]</td> <td> <table border="1"> <tr> <td>Untung bersih modal Awal</td> <td>x 100%</td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> <td> <table border="1"> <tr> <td>25 000</td> <td>/</td> <td>100 000</td> <td>=25%</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> <td> <table border="1"> <tr> <td>45 000</td> <td>/</td> <td>150 000</td> <td>=30%</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> </tr> <tr> <td>(ii) Analisis Nisbah Kecairan [1M]</td> <td>Nisbah Semasa [1M]</td> <td> <table border="1"> <tr> <td>Aset Semasa</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Liabiliti Semasa</td> <td></td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> <td> <table border="1"> <tr> <td>25 000</td> <td>/</td> <td>20 000</td> <td>=1.25 : 1</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> <td> <table border="1"> <tr> <td>50 000</td> <td>/</td> <td>25 000</td> <td>= 2 : 1</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> </tr> <tr> <td>(iii) Analisis Nisbah Kecekapan [1M]</td> <td>Pusing ganti stok [1M]</td> <td> <table border="1"> <tr> <td>Kos Jualan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Stok Purata</td> <td></td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> <td> <table border="1"> <tr> <td>40 000</td> <td>/</td> <td>12 000</td> <td>=3.33 kali</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> <td> <table border="1"> <tr> <td>60 000</td> <td>/</td> <td>15 000</td> <td>= 4.0 kali</td> <td>[1M]</td> </tr> </table> </td> </tr> </tbody> </table> <p>H5- Ismail Book Store</p> <p>H6- Peraturan pulangan atas modal lebih tinggi</p>	1	2	3	4	5				Shon Hen Enterprise	Ismail Book Store	(i) Analisis Nisbah Untung [1M]	% Pulangan atas modal [1M]	<table border="1"> <tr> <td>Untung bersih modal Awal</td> <td>x 100%</td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	Untung bersih modal Awal	x 100%	[1M]	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>25 000</td> <td>/</td> <td>100 000</td> <td>=25%</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	25 000	/	100 000	=25%	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>45 000</td> <td>/</td> <td>150 000</td> <td>=30%</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	45 000	/	150 000	=30%	[1M]	(ii) Analisis Nisbah Kecairan [1M]	Nisbah Semasa [1M]	<table border="1"> <tr> <td>Aset Semasa</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Liabiliti Semasa</td> <td></td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	Aset Semasa		Liabiliti Semasa		[1M]	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>25 000</td> <td>/</td> <td>20 000</td> <td>=1.25 : 1</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	25 000	/	20 000	=1.25 : 1	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>50 000</td> <td>/</td> <td>25 000</td> <td>= 2 : 1</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	50 000	/	25 000	= 2 : 1	[1M]	(iii) Analisis Nisbah Kecekapan [1M]	Pusing ganti stok [1M]	<table border="1"> <tr> <td>Kos Jualan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Stok Purata</td> <td></td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	Kos Jualan		Stok Purata		[1M]	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>40 000</td> <td>/</td> <td>12 000</td> <td>=3.33 kali</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	40 000	/	12 000	=3.33 kali	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>60 000</td> <td>/</td> <td>15 000</td> <td>= 4.0 kali</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	60 000	/	15 000	= 4.0 kali	[1M]	<p>[1 m]</p> <p>1</p>
1	2	3	4	5																																																																					
			Shon Hen Enterprise	Ismail Book Store																																																																					
(i) Analisis Nisbah Untung [1M]	% Pulangan atas modal [1M]	<table border="1"> <tr> <td>Untung bersih modal Awal</td> <td>x 100%</td> </tr> <tr> <td>[1M]</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	Untung bersih modal Awal	x 100%	[1M]	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>25 000</td> <td>/</td> <td>100 000</td> <td>=25%</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	25 000	/	100 000	=25%	[1M]	<table border="1"> <tr> <td>45 000</td> <td>/</td> <td>150 000</td> <td>=30%</td> <td>[1M]</td> </tr> </table>	45 000	/	150 000	=30%	[1M]																																																							
Untung bersih modal Awal	x 100%																																																																								
